



SAMPAH-SARAP yang disumbatkan ke dalam Sungai Aur, Jalan Papan, Klang.

Sungai mangsa perangai buruk manusia

TERSUMBAT. Beginilah sikap jelik sebahagian warga Lembah Klang yang tidak pernah melihat parit atau sungai sebagai harta alam paling berharga dan perlu dipulihara.

Foto yang dirakamkan di Sungai Aur berhampiran di

Jalan Papan, Klang semalam ini menceritakan segala-galanya.

Tidak hairanlah kawasan-kawasan utama di Lembah Klang seperti Klang, Shah Alam dan Kuala Lumpur begitu mudah dilanda banjir kilat setiap

kali hujan lebat sejak kebelakangan ini kerana aliran air tersumbat dek sampah-sarap.

Sudah semestinya tiada siapa yang mahu mengaku bertanggungjawab kerana 'sampah-sarap tersebut tidak pandai untuk

berkata-kata untuk memberitahu siapakah yang membuangnya.'

Semalam *KOSMO!* melaporkan 'penderitaan' parit dan sungai-sungai di Lembah Klang yang dijadikan tempat buangan 20 tan sampah setiap hari.